

Ambil kira kesihatan mental pengasuh

Iktibar daripada tragedi kematian Adam Rayqal

Oleh NURFARAHAAAMI HAAMSIR (PELATIH UMS)

TRAGEDI mayat bayi lelaki berusia lima bulan yang ditemukan di dalam sebuah peti sejuk begitu menggemparkan apabila kes terbabit mendapat perhatian meluas di seluruh negara.

Kejadian pada 3 Julai 2018 itu menyebabkan nama Adam Rayqal mula meniti di bibir masyarakat kerana terlalu bersimpati dengan nasib malang yang menimpa bayi itu.

Pada masa sama, tidak kurang juga yang melontarkan rasa tidak puas hati malah berani mengecam tindakan pengasuh mangsa yang juga tertuduh dalam

kes terbabit.

Semenjak itu, ramai pihak tampil mempersoalkan kredibiliti pengasuh kanak-kanak dan tindakan wajar yang perlu diambil agar kes seumpama itu tidak lagi berulang.

Tidak dinafikan, kejadian yang menimpa Adam tentu sahaja menimbulkan trauma kepada masyarakat khususnya para ibu bapa yang menghantar anak ke pusat asuhan.

Isu berkenaan turut menarik perhatian Pensyarah Psikologi Pembangunan Belia dan Komuniti Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Balan Rathakrishnan.

Beliau berkata, ibu bapa perlu mengambil kira aspek kesihatan mental pengasuh sebelum memutuskan menghantar anak kepada

pengasuh.

“Mereka hendaklah mengetahui tahap kesihatan pengasuh yang bakal diupah kerana bukan mudah untuk mengenal pasti masalah mental yang dialami oleh seseorang.

“Masalah mental hanya boleh dikenal pasti apabila individu itu membuat pemeriksaan dengan berjumpa pakar perubatan di hospital.

“Saya cadangkan mereka membuat tinjauan awal dengan bertanya kepada jiran terdekat pengasuh terbabit,” jelasnya kepada *Utusan Borneo*.

Balan berpendapat dalam kes Adam, tertuduh mungkin mengalami masalah kesihatan dari segi mental hingga mendorongnya melakukan perbuatan sekejam itu.

Menurutnya, seorang pengasuh mungkin mengalami tekanan yang keterlaluan hingga mengakibatkan mereka kadang kala bertindak luar kewarasan.

“Mereka mungkin kelihatan normal, namun jika ada pencetus, tindakan mereka boleh mencapai tahap di luarjangkaan.

“Saya menganggap pengasuh Adam Rayqal mungkin mengalami masalah mental yang datangnya dari tekanan yang keterlaluan.

“Selain itu, sejarah silam juga boleh mendorong tertuduh mencari sesuatu yang lemah untuk melepaskan geram dan kepuasan diri,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau juga menasihatkan ibu bapa agar berwaspada dengan iklan mengenai pusat



BALAN



JASS



ASTIAH

asuhan mahupun pengasuh persendirian yang banyak disiarkan melalui media sosial.

Menurutnya, masyarakat perlu prihatin terhadap keadaan sekeliling dan melaporkan jika melihat keadaan yang mencurigakan atau mendengar tangisan bayi secara berterusan.

Katanya, pihak yang bertanggungjawab dan ibu bapa juga perlu melakukan pemeriksaan secara berkala terhadap mana-mana pusat jagaan atau pengasuh persendirian.

Sementara itu, pekerja swasta Jass Azliezan, 31, turut menganggap kejadian berkenaan menimbulkan kemarahan dan reaksi dalam

kalangan masyarakat.

“Saya sangat terkejut dengan kejadian ini dan tidak sangka ada juga orang sanggup melakukan perbuatan sedemikian terhadap bayi yang baru berusia lima bulan.

“Semoga keluarga mangsa tabah dan masyarakat juga boleh menjadikannya sebagai satu iktibar.

Surirumah yang pernah bekerja sebagai pengasuh Astiah Aris, 35, berkata seorang pengasuh perlu menjaga seorang bayi secara lembut.

Katanya, jika bayi menangis, ia mungkin memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada kehidupan komuniti yang sihat.

Menurutnya, kemahuan

seorang bayi itu hendaklah difahami dan dituruti dengan cara yang betul.

Justeru jelasnya, seorang pengasuh itu perlu mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam penjagaan bayi sebelum bersetuju mengasuh anak orang lain.

Dalam menangani isu seperti itu, keprihatinan daripada pelbagai pihak yang bertanggungjawab perlu ada bagi mengelak kejadian berkenaan daripada berulang.

Masyarakat juga menjadi golongan penting yang memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada kehidupan komuniti yang sihat.